

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN PENYELIDIKAN BIL.6/2016



Pada 26 September 2016 yang lalu telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI) Bil.6/2016 bertempat di Aras 2, Bilik Mesyuarat Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM. Mesyuarat ini merupakan kali yang terakhir dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr. Hashim Saim, oleh kerana tempoh pelantikan beliau sebagai TNC (P&I) akan berakhir pada 30 September 2016. Mesyuarat merakamkan gambar kenang-kenangan bersama beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan yang telah diberikan.

PAMERAN PROGRAM GERAK USAHAWAN NEGERI JOHOR 2016

Pada 30 September dan 01 Oktober 2016, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) telah menyertai pameran sempena program Gerak Usahawan Negeri Johor 2016 anjuran Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. bertempat di Padang Kawad UTHM. Program ini dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor. Pelbagai syarikat seluruh Negeri Johor telah menyertai pameran ini. Antara produk yang dipamerkan adalah produk Diabe-Tea, Mesin Mencetak Kuih Karipap, Mesin Membuang Sisik Ikan, Tongkat Motorsikal, Mesin Mencetak Kuih Tat dan beberapa produk lain yang telah dihasilkan oleh penyelidik universiti.



TAKLIMAT PROGRAM KHAS MYMENTOR

Pada 28 September 2016 telah berlangsung Taklimat Program Khas MyMentor yang disampaikan oleh Profesor Dr. Graham Kendall, University of Nottingham Malaysia Campus. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama universiti berkenaan telah menawarkan program pasca kedoktoran di bawah program ini di mana, calon pasca kedoktoran yang terpilih akan ditaja menggunakan Biasiswa Pasca Kedoktoran KPT mengikut kelayakan dan syarat biasiswa yang ditetapkan. Turut hadir ialah MyMentor Management Board Profesor Andrew Morris dan Dr. Suhaila Sanip, Ms Deepa Kumari (Project Manager) dan Ms Zabidah Yusof (Administrator). Sesi taklimat telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan staf akademik universiti.

